52

# Akta Seni Pertahanan Diri minta dipinda

24 SEP 1974

SEBUAH persatuan seni pertahanan diri di sini akan mencadangkan kepada Pemerintah supaya meminda Akta Seni Pertahanan Diri.

Seorang jurucakap Persatuan Karate Singapura berkata, persatuannya akan merayu supaya akta itu dipinda, memandang ia menghalang pengambilan jurulatih lebih lanjut di samping menyekat kemajuan-kemajuan dalam greding talipinggang hitam.

Katanya, di bawah undang-undang baru itu tidak ada sesiapa yang dibenarkan memberi latihan kecuali dia mempunyai lesen-lesen jurulatih yang sah.

"Ini tentu sekali meletakkan kedudukan SKA dan lain-lain persatuan yang mengajar seni pertahanan diri dalam keadaan yang menyulitkan," katanya.

Disamping itu, katanya, lain-lain masaalah berhubung dengan seni tersebut terpaksa dibincangkan dengan Pengawal Seni Pertahanan Diri.

SKA, tambahnya, telah mengadakan mesyuarat jawatankuasa baru-baru ini, untuk menyelesaikan masaalah itu, tetapi tidak berjaya.

# Latihan silat anjuran BR Pasir Panjang dapat sambutan baik

-3 OCT 1974

SEKSI Silat Balai Rakyat Pasir Panjang, sedang giat mengadakan latihan-latihannya dua kali seminggu di balai itu.

Diadakan selama dua jam setiap malam hari Rabu dan Jumaat, seksi itu mempunyai 70 orang penuntut terdiri dari muda-mudi Melayu di daerah itu.

Mereka diajar berbagai teknik mempertahankan diri seni silat gayung dari pertarungan dengan tangan kosong kepada pertarungan dengan keris, pisau, parang, simbat, tembung dan rantai.

Seksi silat yang telah dibentuk sejak April 1972 ini menerima pimpinan dari jurulatihnya, Encik Hussein Kaslan, seorang guru silat terkemuka dari PASAK.

Berkata seorang pegawai balai: "Pemuda-pemudi yang menyertai kursus silat di balai kami ini begitu gigih berlatih tidak saja untuk belajar mempertahankan diri tetapi juga sebagai satu riadah."

● *GAMBAR menunjukkan dua orang pemuda menunjukkan ketangkasan masing-masing dalam permainan parang untuk satu demonstrasi seksi itu di Balai Rakyat Pasir Panjang baru-baru ini.*